

19/08/2001

PM sedih remaja puja syaitan

Kamal Ahmad in Sana'a (Yemen)

SANA'A (Yemen): Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berasa sedih dengan tindakan sebilangan umat Islam di Malaysia yang menyimpang daripada landasan Islam sebenar hingga saling bermusuhan dan sesetengahnya memuja syaitan.

"Saya sedih untuk mengakui bahawa di Malaysia sekarang ada golongan terutama remaja yang sudah mengetepikan agama Islam hingga menyembah syaitan.

"Malah ketika Islam dinobatkan sebagai agama yang mengutamakan persaudaraan, ada pula orang Islam mengetepikan konsep persaudaraan hingga saling bermusuhan," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian pada pertemuan dengan pelajar Malaysia di Yemen termasuk dari Universiti Al-Ahqaf dan sekumpulan ulama tempatan di bandar Ta'arim di wilayah Hadhramout pada hari ketiga lawatannya ke Yemen semalam.

Turut hadir, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar serta Duta Malaysia ke Yemen, Datuk MN Azinam. Kini, ada 188 pelajar Malaysia di Yemen yang mengikuti pelbagai jurusan.

Beliau berkata golongan ulama mempunyai tugas berat untuk memastikan umat Islam sentiasa berpegang teguh kepada ajaran Islam.

"Kita berpegang kuat kepada agama Islam atau tidak, bergantung kepada ajaran Islam yang disampaikan oleh mereka," katanya.

Beliau kemudian meminta pelajar Malaysia di Yemen turut menerangkan kepada masyarakat mengenai ajaran Islam sebenar apabila mereka tamat pengajian dan menjadi tenaga pengajar apabila pulang ke tanah air.

Perdana Menteri berkata, ini kerana pelajar di sini diajar dengan pelajaran mengenai Islam dan tiada sebarang pengaruh lain termasuk politik.

"Saya berasa lega kerana diberitahu di sini pelajarannya tertumpu semata-mata kepada agama Islam, tidak ada pengaruh lain dalam pelajaran yang disampaikan. Tidak ada pengaruh politik dalam pengajaran Islam.

"Saya berharap pelajar di sini akan belajar agama yang sebenar, tidak terpengaruh dengan pendapat yang tidak ada kaitan dengan agama dan akan balik ke tanah air untuk memberi penerangan kepada rakyat Malaysia mengenai apa ianya agama Islam yang dibawa Nabi Muhammad yang sudah berkembang ke seluruh dunia," katanya.

Beliau berkata, sementara berada di sini, mereka perlu mencari jawapan kenapa orang Islam boleh menerima ajaran yang bertentangan dengan ajaran Islam.

"Kita harus tahu ini supaya kita dapat menyelamatkan diri kita daripada terpesong daripada ajaran Islam.

"Kalau kita tidak faham ajaran Islam atau cuba memainkan ajaran Islam untuk kepentingan lain, ada kemungkinan pegangan kita, iman kita akan menjadi lemah dan lumpuh dan pada masa itu, orang lain mungkin akan mempengaruhi kita," katanya.

(END)